



**Rakyat Didahulukan,
Pencapaian Diutamakan**



**“1Malaysia adalah satu gagasan
bagi memupuk perpaduan di
kalangan rakyat Malaysia yang
berbilang kaum, berteraskan
beberapa nilai-nilai penting
yang seharusnya menjadi
amalan setiap rakyat Malaysia.”**

- Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Hj Abd Razak -
Perdana Menteri Malaysia

**Rakyat Didahulukan,
Pencapaian Diutamakan**



KONSEP 1MALAYSIA

1Malaysia adalah satu gagasan bagi memupuk **perpaduan** di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, berteraskan beberapa nilai-nilai penting yang seharusnya menjadi amalan setiap rakyat Malaysia. Ia bukan satu dasar baru yang terpisah dari dasar-dasar kerajaan Barisan Nasional sebelum ini, sebaliknya ia merupakan **pelengkap** kepada pendekatan-pendekatan yang sedia ada untuk mengukuhkan lagi perpaduan bagi menjamin kestabilan, ke arah mencapai kemajuan dan pembangunan yang lebih tinggi bagi rakyat dan negara Malaysia.

Dalam erti kata lain 1Malaysia digagaskan sebagai satu formula yang akan membantu memastikan aspirasi negara, iaitu **Wawasan 2020** tercapai jika ia diterapkan ke dalam sanubari rakyat dan diamalkan oleh setiap lapisan masyarakat.



**Rakyat Didahulukan,
Pencapaian Diutamakan**



KONSEP 1MALAYSIA

Pengertian ini adalah berdasarkan hujah bahawa untuk mencapai **status negara maju** sepertimana yang diilhamkan melalui Wawasan 2020, syarat yang paling utama ialah sebuah negara yang kukuh dan stabil dan ini akan hanya dapat dicapai apabila rakyat nya bersatu padu.

Perpaduan yang digambarkan oleh gagasan 1Malaysia amat berbeza dari konsep asimilasi yang diamalkan di negara-negara lain di mana identiti kaum-kaum etnik dilenyapkan dan diganti dengan satu identiti nasional yang sama.

Sebaliknya 1Malaysia menghargai dan menghormati prinsip-prinsip Perlembagaan Persekutuan serta identiti-identiti etnik setiap kaum di Malaysia , dan menganggapnya sebagai satu aset atau kelebihan yang patut dibanggakan.

1Malaysia menekankan sikap **penerimaan** di kalangan rakyat berbilang kaum, di mana sesuatu kaum menerima keunikan kaum yang lain seadanya agar dapat kita hidup bersama dalam keadaan saling hormat menghormati sebagai rakyat dalam satu negara.

**Rakyat Didahulukan,
Pencapaian Diutamakan**



KONSEP 1MALAYSIA

Menjadi asas kepada semua ini adalah **prinsip keadilan untuk semua kaum**, yang membawa maksud bahawa nasib semua kaum akan terbela dan tiada mana-mana pihak akan dipinggirkan. Keadilan ini mestilah mengambil kira taraf kemajuan kaum-kaum yang berada pada tahap yang berbeza. Oleh itu, dasar-dasar kerajaan dan peruntukan-peruntukan Perlembagaan yang memberikan pembelaan kepada golongan yang memerlukannya, akan tetap dilaksanakan.

1Malaysia adalah **penerusan agenda membina negara**. Untuk mencapai kemajuan bagi negara, rakyat perlu dimajukan terlebih dahulu, dan ini dimulakan dengan membentuk sikap penerimaan antara kaum, yang membawa kepada perpaduan yang utuh. Apabila perpaduan dicapai, maka urusan pembangunan negara akan berjalan dengan lebih lancar.

**Rakyat Didahulukan,
Pencapaian Diutamakan**



ASAS-ASAS 1MALAYSIA

- Perpaduan adalah pra-syarat dalam usaha merealisasikan aspirasi negara iaitu mencapai status Negara Maju menjelang tahun 2020.
- **1Malaysia adalah penerusan agenda membina negara**
- Perpaduan sememangnya telah membentuk teras utama dalam hala tuju negara menuju kecemerlangan bermula sejak kemerdekaan dicapai. 1Malaysia bertujuan menyemarakkan semula semangat perpaduan dan persaudaraan di kalangan rakyat Malaysia.
- Untuk mencapai kemajuan bagi negara, rakyat perlu dimajukan terlebih dahulu, dan ini dimulakan dengan membentuk sikap **penerimaan** antara kaum, yang membawa kepada perpaduan yang utuh. Apabila perpaduan dicapai, maka urusan pembangunan negara akan berjalan dengan lebih lancar.

**Rakyat Didahulukan,
Pencapaian Diutamakan**



PENDEKATAN



**Rakyat Didahulukan,
Pencapaian Diutamakan**



ASPEK-ASPEK UTAMA



**Rakyat Didahulukan,
Pencapaian Diutamakan**



ASPEK - ASPEK UTAMA 1MALAYSIA

Konsep 1Malaysia digagaskan akan terlaksana dalam dua aspek utama seperti berikut:

- **Aspek Pertama – Penerapan Teras-Teras Perpaduan**

Menerapkan teras-teras perpaduan sebagai budaya dan amalan semua rakyat Malaysia. Teras perpaduan ini adalah komponen-komponen asas yang menguatkan semangat bersatu padu di kalangan rakyat berbilang kaum. Teras Perpaduan ini didokongi oleh nilai-nilai murni yang seharusnya mendasari cara hidup rakyat Malaysia.

- **Aspek Kedua – Penerapan Nilai-Nilai Aspirasi**

Nilai-nilai Aspirasi yang digagaskan dalam konsep 1Malaysia ialah nilai-nilai yang perlu ada pada masyarakat progresif dan dinamik yang akan memacu negara ke arah mencapai status negara maju. Nilai-nilai aspirasi akan membantu dalam mewujudkan tenaga kerja yang berdaya maju dan mampu bersaing dalam persekitaran global dan ini seterusnya membantu melonjakkan kedudukan ekonomi negara ke tahap yang lebih kukuh dan mantap.

**Rakyat Didahulukan,
Pencapaian Diutamakan**



ASPEK PERTAMA TERAS-TERAS PERPADUAN



**Rakyat Didahulukan,
Pencapaian Diutamakan**



TERAS-TERAS PERPADUAN

1. Penerimaan

1Malaysia menekankan sikap Penerimaan di kalangan rakyat berbilang kaum, di mana sesuatu kaum menerima keunikan kaum yang lain seadanya agar dapat kita hidup bersama dalam keadaan saling hormat menghormati sebagai rakyat dalam satu negara.

la adalah peningkatan ketara dari sikap toleransi semata-mata.

2. Prinsip-prinsip Kenegaraan yang berasaskan:

- a. Perlembagaan Persekutuan
- b. Rukun Negara

3. Keadilan Sosial

Semua rakyat Malaysia akan terbela dan **tiada mana-mana pihak akan dipinggirkan**. Keadilan ini mestilah mengambil kira taraf kemajuan kaum-kaum yang berada pada tahap yang berbeza. Oleh itu, dasar-dasar kerajaan dan peruntukan-peruntukan Perlembagaan yang memberikan pembelaan kepada golongan yang memerlukannya, akan tetap dilaksanakan.

**Rakyat Didahulukan,
Pencapaian Diutamakan**



PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI


Ketiga-tiga Teras Perpaduan ini pula didokongi oleh nilai-nilai murni termasuk nilai-nilai berikut:

- **Hormat-menghormati** : Hormat menghormati antara semua kaum termasuk menghormati adat resam serta budaya kaum lain. Rasa hormat ini juga menuntut kita tidak mengeluarkan kata-kata kesat tentang kaum lain dan juga tidak mempersoalkan peruntukan-peruntukan undang-undang yang menyentuh sensitiviti kaum.
- **Rendah hati (Tawadhuq)**: Rasa rendah hati atau Tawadhuq adalah perasaan insaf bahawa kita semua adalah rakyat dalam satu negara yang sama dan kita perlu hidup bersama secara harmoni. Ia juga merangkumi pengertian bahawa setiap kaum, malah setiap individu ada kelemahan dan kelebihan nya yang sendiri, dan seharusnya kita memanfaatkan kelebihan masing-masing demi untuk memperkukuhkan masyarakat dan negara.
- **Kesederhanaan**: ialah pendekatan sederhana dalam apa jua isu yang berbangkit. Dalam negara bermasyarakat majmuk seperti Malaysia, tindakan atau tutur kata bersifat ekstrem tidak langsung boleh diterima kerana ia boleh membawa kepada masalah ketidakstabilan sosial yang lebih parah.
- **Berbudi-bahasa**: Budi-bahasa ialah tuturkata dan tingkah laku yang tertib dan berpaksikan kesantunan dalam segala interaksi dan perhubungan dengan pihak lain bagi menjana kerjasama dan permuafakatan yang lebih erat.

**Rakyat Didahulukan,
Pencapaian Diutamakan**



ASPEK KEDUA NILAI-NILAI ASPIRASI



**Rakyat Didahulukan,
Pencapaian Diutamakan**



Penerapan Nilai-Nilai Aspirasi **Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan**

Dalam melaksanakan aspek kedua gagasan 1Malaysia, nilai-nilai berikut perlu diberi penekanan :

- **Budaya Berprestasi Tinggi** : Sifat memastikan setiap perkara dan setiap tugas yang dilakukan mencapai tahap yang terbaik. Sikap sambil lewa dan "acuh tak acuh" tidak boleh wujud dalam masyarakat yang berdaya maju.
- **Budaya Ketepatan** : Sebagai rakyat sebuah negara yang berhasrat mencapai status negara maju, rakyat Malaysia perlu dikenali dengan budaya ketepatan, termasuklah menepati waktu dan mengutamakan kecekapan dalam melaksanakan semua tugas dan kewajipan.
- **Budaya Ilmu** : Sesebuah negara hanya akan benar-benar maju dan berjaya apabila rakyatnya memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi. Budaya ilmu ialah kecenderungan untuk sentiasa memburu pengetahuan yang terkini dan kesediaan untuk menimba ilmu sepanjang hayat.
- **Integriti** : Rakyat Malaysia perlu memiliki integriti yang tinggi dalam melaksanakan sebarang tugas dan tanggungjawab agar bangsa dan negara sentiasa disegani dan dihormati oleh semua pihak. Integriti merangkumi sifat-sifat amanah, bersih dan cekap dalam melakukan sebarang tugas dan melaksanakan tanggungjawab.

**Rakyat Didahulukan,
Pencapaian Diutamakan**



Penerapan Nilai-Nilai Aspirasi **Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan**

- **Ketabahan:** Ketabahan dalam mengharungi masalah dan cabaran yang mendatang. Rakyat Malaysia seharusnya bersifat tidak mudah mengaku kalah, sebaliknya perlu memiliki keyakinan diri yang tinggi serta semangat juang yang kental dalam apa jua bidang yang diceburi.
- **Kesetiaan:** Kesetiaan sepenuhnya kepada negara Malaysia dan kesediaan untuk berbakti dan berkorban demi negara yang tercinta.
- **Kebijaksanaan:** ialah cara berhadapan dengan sebarang masalah dengan penuh berhemah dan teliti agar tidak berlaku perkara-perkara yang menyinggung hati dan perasaan mana-mana pihak yang lain.
- **Budaya Inovasi :** Adalah kesediaan kita sebagai rakyat Malaysia untuk mencuba perkara baru dan **berinovasi** dalam apa jua lapangan yang kita ceburi. Rakyat Malaysia perlu dikenali sebagai individu-individu yang mampu menjadi pemimpin dalam bidang masing-masing. Kita mesti berani berubah untuk kebaikan, berani mencari penyelesaian baru dalam menangani masalah dan sentiasa bersedia untuk menjadi perintis.



Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan
diyakini akan menjana satu transformasi ketara,
kearah sebuah negara Malaysia yang maju, didokongi
oleh rakyat yang utuh perpaduan nya dan tinggi
mertabatnya pada pandangan dunia.

Untuk maklumat lanjut, sila layari :
www.1malaysia.com.my

Terbitan Pejabat Perdana Menteri

